

Hubungan mantap Malaysia, Brunei perlu diteruskan

*Kestabilan politik, kemakmuran
negara jiran model terbaik dicontohi*

Beberapa hari lalu saya berada di Brunei kerana membentangkan kertas kerja Seminar Sejarah anjuran Jabatan Sejarah Brunei. Seminar itu turut dihadiri pembentang dan peserta dari Indonesia, Singapura dan Malaysia. Sejak lebih 25 tahun lalu, Brunei, sebuah negara kecil tetapi kaya, sentiasa menarik perhatian saya kerana layanan mesra rakyatnya.

Brunei dengan 420,000 jiwa - jumlah penduduk yang jauh lebih kecil daripada Kuching, mempunyai hubungan sejarah dan sosial yang rapat dengan sebahagian penduduk Sarawak, khususnya mereka di Miri, Lawas, Limbang dan Mukah. Hubungan Sarawak dan Sabah dengan Brunei memang unik sejak abad ke-15 lagi. Ramai penduduk Sarawak mempunyai saudara di Brunei. Dari abad ke-15 hingga abad ke-17 empayar Brunei menakluki wilayah yang luas hingga ke Sarawak, Sabah, Kalimantan dan Filipina.

Ribuan penduduk Brunei ke Miri dan Kota Kinabalu setiap hujung minggu dan terdapat ramai orang Sarawak dan Sabah di negara itu sejak sekian lama, khususnya selepas Brunei menemui minyak pada 1920-an. Mereka ke Sabah dan Sarawak untuk melancong dan membeli-belah apatah lagi kini kadar pertukaran wang adalah memihak kepada dolar Brunei, yang sama kadarnya dengan Singapura.

Faktor sejarah, geografi

Malaysia dekat di hati rakyat Brunei dan hubungan kedua-dua negara, khususnya dengan Sabah dan Sarawak adalah rapat disebabkan faktor sejarah, kedekatan geografi dan sosial. Pada awal 1960-an, banyak pegawai dari Malaya berkhidmat dengan kerajaan Brunei. Didapati bahawa rakyat Brunei mengetahui perkembangan yang berlaku di Malaysia, termasuk isu politik. Rakyat Brunei turut mengikuti siaran radio dan televisyen serta membaca akhbar Malaysia. Anehnya, jarang-jarang berita tentang Brunei disiarkan dalam media di negara kita.

Ketika di Brunei, banyak orang Brunei yang mahu mengajak ke rumah mereka dan makan-makan di kedai makan di Bandar Seri Begawan yang dihuni sekitar 50,000 penduduk, termasuk pedagang dan saudagar asing. Bandar ini pesat membangun meskipun tidak terdapat pencakar langit seperti di Kuala Lumpur.

Ketika di Brunei, rakyatnya menyatakan kesyukuran di bawah pemerintahan Sultan Hassanal Bolkiah yang berjiwa rakyat kerana mereka dapat menikmati taraf hidup yang tinggi dan berkualiti. Jika anda perhatikan kereta di Bandar Seri Begawan dan di jalan

rayanya, anda akan kagum melihat pelbagai jenis kereta mewah, bukti kemewahan hidup rakyatnya. Dengan harga kereta dan minyak yang relatif murah berbanding Malaysia, jangan terkejut jika sebuah keluarga memiliki sampai lima kereta.

Brunei adalah pengeluar minyak mentah ketiga terbesar di Asia Tenggara dengan pengeluaran purata 180,000 tong sehari. Brunei juga negara pengeluar gas asli cecair keempat terbesar di dunia. Satu daripada faktor Brunei tidak mahu sama-sama menyertai Malaysia pada 1963 adalah kerana enggan berkongsi kekayaan hasil minyaknya dan atas keyakinan bahawa ia akan lebih makmur dan maju tanpa menyertai Malaysia, selain majoriti rakyatnya tidak bersetuju, hasil dapatan pungutan suara Suruhanjaya Diraja.

Brunei adalah negara kelima terkaya di dunia dengan hutang awam berada pada paras sifar peratus. Hanya Libya sahaja yang berada dalam liga yang sama. Ini adalah hasil daripada kekayaan daripada hasil minyak dan gas asli yang menyumbang 90 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya. Pendapatan per kapita adalah tinggi, dengan mereka yang mencecah usia 60 tahun diberi elaun B\$250 sehingga mereka meninggal dunia.

Jangka hayat rakyat Brunei ialah 75 tahun. Kini rakyat Brunei menikmati pendidikan dan kesihatan percuma berkat wang minyak yang sentiasa mengalir. Kerajaan Brunei memberi perhatian berat terhadap pembangunan modal insan dengan menghantar banyak anak muda yang cemerlang dari segi pendidikan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara, selain mengikuti pengajian di dua universiti dalam negeri.

Kestabilan politik

Brunei yang diterajui Sultan Hassanal Bolkiah, antara orang paling kaya di dunia, mengamalkan sistem monarki mutlak yang berpaksikan ideologi Melayu Islam Beraja. Kecuali selepas mengalami pemberontakan pada 8 Disember 1962 yang diketuai A.M Azahari, kini Brunei adalah antara negara paling stabil dari segi politik. Dengan kestabilan politik yang dinikmatinya, kerajaan dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan negara.

Hubungan Malaysia dengan Brunei perlu terus dimantapkan dari semua segi kerana hubungan kedua-dua negara adalah bagai aur dengan tebing.



**JENIRI
AMIR**

rencanabh@bh.com.my



Penulis

ialah Pensyarah Universiti Malaysia Sarawak